

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 10

DISEMBER 2014



Meet the customer day

HARI BERSAMA PELANGGAN

2014

HARI BERSAMA PELANGGAN
Meet the Customer Day
NOVEMBER 2014
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

HARI BERSAMA PELANGGAN
Meet the Customer Day
"Library for You"
13 NOVEMBER 2014
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Merits & Prizes awaits you!

Blok B

Workshop on
Customer Satisfaction Index

"How satisfied are your customers?" - muka 3

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Melakar sejarah **kejayaan** sempena
Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM

2014 - muka 8

Meet the customer day
HARI BERSAMA PELANGGAN
 2014

SERDANG, 11 NOVEMBER – Bertemakan slogan "Library for You" Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menganjurkan Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) dari 11 hingga 13 November 2014. Majlis dimulakan dengan senaman aerobik dan diikuti dengan ceramah kesihatan yang bertajuk 'Fitness for Life', 'Personality Talk' dan Seminar "Guide to getting published". Manakala kaunter pangkalan data seperti Emerald, John Wiley, Springer Link, Sage dan Scopus dibuka sepanjang minggu HBP bagi membantu pelanggan Perpustakaan mengenali setiap jenis pangkalan data.

Pameran Perpustakaan bagi memberi peluang kepada pengunjung mengetahui pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Perpustakaan. Pengunjung pameran berpeluang memenangi pelbagai hadiah yang menarik menerusi kuiz pameran yang diadakan.

Selain itu, terdapat juga pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah dan pembukaan gerai-gerai jualan. Pelajar yang menyertai Program HBP mendapat Aktiviti Merit Universiti, manakala kehadiran staf UPM dalam aktiviti ceramah direkodkan sebagai menghadiri latihan.

Pihak Urusetia turut mengadakan



Aktiviti aerobik yang diadakan bertujuan untuk memupuk budaya sihat dikalangan staf dan pelajar.



'Personality Talk' bersama Datuk Abd Jalil Ali, Penasihat Eksekutif Editorial Kumpulan Media Karangkraf.



Seminar "Guide to getting published" dikendalikan oleh Mr. Ben Sng, Pemandu Kanan, Emerald Publishing Group.



Prof. Dr. Latifah Abdul Jalil menyampaikan Ceramah Kesihatan 'Fitness for Life'.

My Library merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan My Library melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
 Perpustakaan Sultan Abdul Samad
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang, Selangor.
 Tel. : 03 89467040
 Faks : 03 89483745
 E-mel : mylibrary@upm.edu.my



Isi Kandungan
 My Library Bilangan 10

Hari Bersama Pelanggan 2014	2
Workshop on Customer Satisfaction Index	3
Majlis Pelancaran Amalan 5S di PSAS	4
Program Promosi CaRE dan Kesedaran Kanser	5
Pameran Hari Kemerdekaan Malaysia ke-57	6
Subject Guide	7
Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2014	8
Projek Kreatif dan Inovasi	10
Sesi Pengenalan Perpustakaan 2014	11
Latihan Industri dan Lawatan	12
PatSnap® : Global Patent Search and Analysis Platform	13
Perkhidmatan Penilaian Maklumat	14
Perkhidmatan Pembekalan Dokumen	15
Book Review	16



Workshop on
CUSTOMER SATISFACTION INDEX

"How satisfied are your customers?"

Oleh Mohd Dasuki Sahak

Kajang, 3 September - Pada masa kini, organisasi yang bukan berasaskan keuntungan seperti Perpustakaan turut berhadapan dengan tekanan dan cabaran bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Oleh itu, pelbagai strategi dan usaha digunakan bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dapat disediakan oleh pihak Perpustakaan.

Kajian Kepuasan Pelanggan merupakan salah satu strategi yang sering digunakan oleh pihak Perpustakaan. Kajian ini merupakan usaha bagi memahami persepsi dan maklum balas pengguna terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan. Hasil kajian akan membantu Perpustakaan meningkatkan

tahap perkhidmatan sedia ada dan dalam menentukan penawaran perkhidmatan baharu.

Sebelum menjalankan kajian, Pustakawan sebagai Pengurus Perpustakaan perlu mempunyai pengetahuan yang sewajarnya agar mampu mengendalikan kajian secara komprehensif. Ini bagi memastikan kaedah dan hasil kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan serta memenuhi objektif kajian yang ditetapkan.

"Workshop on Customer Satisfaction Index" anjuran Perpustakaan Sultan Abdul Samad merupakan suatu usaha untuk memperkasa ilmu profesional pustakawan dalam bidang Kajian Kepuasan Pelanggan.

Bengkel ini telah diadakan pada 3 hingga 4 September 2014, di RHR Hotel, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kajang dan dihadiri seramai 53 orang staf Perpustakaan dari seluruh Negara. Ucaptama bengkel disampaikan oleh Encik Halim Hamim, Pengarah Operasi Mydin Mohamed Holdings Bhd. Beliau berkongsi pengalaman Mydin sebagai pasar raya terbesar Negara dalam mengendalikan perkhidmatan pelanggan. Manakala, bengkel dikendalikan oleh dua orang pensyarah dari Universiti Teknologi MARA iaitu Dr. Siti Arpah Noordin dan Prof. Madya Dr. Mohamad Noorman Masrek serta seorang pensyarah dari Universiti Malaya iaitu Dr. Diljit Singh.



Dr. Mohamad Noorman Masrek sedang menerangkan Dimensi LibQual+ bagi Kajian Kepuasan Pelanggan secara kuantitatif.

Peserta sedang mengadakan latihan Focus Group Discussion dibawah bimbingan Dr. Diljit Singh.

Majlis Pelancaran Amalan 5S di Perpustakaan Sultan Abdul Samad



Ucapan Perasmian oleh Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan, Universiti Putra Malaysia.

UPM, 21 Ogos – Seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, PSAS berusaha memantapkan pengurusan pejabat melalui Amalan 5S. Amalan ini merujuk kepada pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik. Ini akan membantu staf bekerja dalam persekitaran tempat kerja yang kondusif dan selesai.

Justeru itu, satu Majlis Pelancaran Amalan 5S PSAS telah diadakan dan dirasmikan oleh Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan. Dalam majlis ini juga, Logo 5S hasil ciptaan Encik Rozaini Jumadi telah dinobatkan sebagai Pemenang Pertandingan Mencipta Logo 5S PSAS. Di akhir majlis, Encik Amir Hussain Md Ishak dengan diiringi tetamu jemputan melawat Zon Contoh dan Pameran 5S Perpustakaan.

Oleh Norazira Mohamed



Pameran Amalan 5S sempena Majlis Perasmian



Lawatan Ketua Pustakawan ke Zon Contoh

Program Promosi CaRE & Kesedaran Kanser



UPM, 29 Sept – Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) UPM dengan kerjasama PSAS telah mengadakan satu program promosi CaRE dan kesedaran kanser kepada warga UPM. Program yang diadakan selama sehari dipenuhi dengan pelbagai aktiviti seperti pameran bahan pendidikan kanser, statistik penyakit kanser, anatomi manusia dan sumbangan derma.

Oleh Aznizulina Md. Nazar



Pameran bahan-bahan pendidikan kanser

Pelajar UPM sedang mendengar penerangan ringkas mengenai bahaya penyakit kanser oleh Pegawai CaRE.

Statistik bahan-bahan maklumat kanser yang terdapat di PSAS

ARTIKEL MENGIKUT JENIS KANSER*

Types of Cancer	Subscribe Databases								
	EBSCOhost Medical Collections	Nature Journals (fulltext for current and 4 years backfile)	Ovid Online	Oxford Journals Online (1996 to current)	Wiley-Blackwell	Science Direct	World Scientific	Journal of American Medical Association	New England Journal of Medicine
Breast Cancer	50,278	10,704	28,404	183,559	162,975	266,310	87	15,052	6,341
Colorectal Cancer	15,023	20,961	12,268	161,544	63,340	94,621	10	13,614	493
Lung Cancer	17,539	69,810	17,873	297,457	174,137	299,412	35	18,317	10,874
Cervical Cancer	8,327	16,995	6,683	175,212	68,098	106,719	14	14,936	3,075
Nasopharyngeal Cancer	246	2,170	3,387	163,997	9,901	13,164	4	13,826	267
Liver Cancer	3,727	76,728	4,956	322,704	180,635	291,011	13	18,021	8,992
Thyroid Cancer	2,108	15,245	4,609	169,857	47,454	67,561	5	15,499	3,091
Prostate Cancer	18,732	23,882	14,648	163,468	76,876	145,585	85	14,438	3,126
Lymphoma	31,965	27,171	18,368	25,453	100,042	155,340	15	852	4,320
Childhood Cancer	2,315	26,065	2,717	203,409	62,460	59,176	3	16,959	3,111
Ovarian Cancer	8,054	19,994	7,098	171,101	59,660	110,368	13	14,132	2,247
Total	189,214	309,727	41,140	1,947,761	1,005,578	1,596,111	284	155,646	45,458

* Daripada pangkalan data langganan Perpustakaan UPM
Jumlah: 5,260,913

E-THESIS*

Subscribe Database	Types of Cancer	Thesis
Proquest	Breast Cancer	1,320,072
	Colorectal Cancer	256,562
	Lung Cancer	911,494
	Cervical Cancer	231,318
	Nasopharyngeal Cancer	17,293
	Liver Cancer	505,890
	Thyroid Cancer	127,591
	Prostate Cancer	518,600
	Lymphoma	343,103
	Childhood Cancer	320,608
Ovarian Cancer	261,935	
Total		4,814,466

* langganan Perpustakaan UPM

E-BOOKU MENGIKUT JENIS KANSER*

Cancer	e-Books				
	Gale Virtual Reference Library	Netlibrary e-Books	Manson Publishing	Science Direct e-Books Collections (copyright 2007-2010)	Wiley e-Books
Breast Cancer	359	7	0	32,994	12,154
Colorectal Cancer	174	5	0	6,553	4,341
Lung Cancer	610	3	1	29,139	14,554
Cervical Cancer	194	3	0	18,833	3,718
Nasopharyngeal Cancer	17	0	0	1,938	773
Liver Cancer	263	6	0	34,360	15,766
Thyroid Cancer	90	1	0	12,919	5,017
Prostate Cancer	326	4	0	11,092	5,832
Lymphoma	362	4	0	18,044	6,991
Childhood Cancer	170	4	0	11,023	6,268
Ovarian Cancer	212	3	0	10,215	4,614
Total	2777	40	1	187,110	80,028

* e-Buku langganan Perpustakaan UPM
Jumlah: 269,956

E-PROTOCOLS*

Subscribe Database	Types of Cancer	Full Text
Springer Protocols	Breast Cancer	1,485
	Colorectal Cancer	550
	Lung Cancer	1,276
	Cervical Cancer	413
	Nasopharyngeal Cancer	44
	Liver Cancer	1,230
	Thyroid Cancer	208
	Prostate Cancer	798
	Lymphoma	855
	Childhood Cancer	145
Ovarian Cancer	641	
Total		7,645

* langganan Perpustakaan UPM



Pameran Hari Kemerdekaan Malaysia ke-57

MALAYSIA...
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta



UPM, 29 Ogos – Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-57, PSAS telah mengadakan Pameran Kemerdekaan yang bertemakan ‘Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta’. Tema kemerdekaan Malaysia pada tahun 2014 dipetik daripada baris lirik lagu ‘Warisan’ yang dipopularkan oleh Allahyarham Sudirman Haji Arshad. Lagu ini dipilih kerana ianya dapat menyemai dan menyemarakkan semangat cintakan negara di dalam jiwa rakyat Malaysia. Ia juga diharap dapat memberikan kesan mendalam dan melahirkan semangat kecintaan

terhadap negara di dalam hati semua rakyat.

Pameran yang diadakan di ruang pameran perpustakaan memaparkan poster-poster bergambar mengenai maklumat sejarah kemerdekaan Malaysia dan mutiara kata Perdana-Perdana Menteri Malaysia. Pengunjung pameran turut di beri peluang menulis ucapan kemerdekaan di ruang yang disediakan. Semoga pameran seumpama ini mampu meningkatkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan warga Universiti.

Oleh Mohd Dasuki Sahak

UCAPAN KEMERDEKAAN WARGA UPM



“Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-57, DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA.”
- Mohamad Hazar Ahmad, Putra Business School, UPM.



“Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-57 diucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia. Semoga Negara kita akan kekal aman sentosa dan rakyat Malaysia bersatu padu di bawah satu payung.”
- Muhammad Mushi bin Abdullah, Pusat Sains Pertanian, UPM.



“Selamat menyambut hari kemerdekaan ke-57 Malaysia. Di sini Lahirnya Sebuah Cinta...” – Fazlin Samsudin, Bahagian Sirkulasi, PSAS UPM.




“Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-57. Di sini Lahirnya sebuah Cinta.”
- Nurul Ainie Mokhtar, Bahagian Rujukan, PSAS UPM.



“Merdeka, Merdeka, Merdeka”
- Azhar Bin Ahmad, Bahagian Sirkulasi, PSAS UPM.



Pameran Kemerdekaan PSAS 2014



Subject Guide

Your Starting Point for Research and Study

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERDANG

*For further information, please contact:

Head
Information Management Division
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan


Tel: 03 89468648 / 8620
Fax: 03 89483745
E-mail: aar@upm.edu.my

Subject Guide is our initiative in providing better services to lecturers, researchers and students in preparing their research works.

Subject Guide is a quick way to obtain authoritative and reliable information about a subject. It is a starting point to help users in finding information they require and helping users successfully navigate the library resources. They can also reduce their time to identify some of the major and specialized sources for their research area.


Each Subject Guide provides list of resources including books, journals, databases and websites. Currently, PSAS has developed the Subject Guide as listed below:

- Agriculture
- Biology
- Chemistry
- Computer Science & Information Technology
- Economy & Management
- Education
- Electrical and Electronic Engineering
- Food Science & Technology
- Forest Biology
- Human Ecology
- Human Resource Development
- Language, Literature & Communication
- Medicine
- Palm Oil
- Paddy
- Veterinary Medicine
- Urban Agriculture




3. Click on Subjects to view the subjects.

HOW TO ACCESS SUBJECT GUIDE



1. Visit UPM Library Website at www.lib.upm.edu.my
2. Click on Subject Guide



4. Select a subject e.g. Agriculture.
5. Click on each tab to view the information resources.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD MELAKAR SEJARAH KEJAYAAN SEMPENA HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN UPM 2014

UPM, 6 November – Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah dinobatkan sebagai pemenang 4 daripada 5 kategori anugerah semasa Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM bagi tahun 2014. Majlis anjuran Pejabat Pendaftar ini telah dirasmikan YBhg. Prof. Dr. Mohd. Azmi Mohd Lila, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

bagi mewakili YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi b. Hj Ramlan, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. PSAS telah mengungguli dalam anugerah-anugerah berikut:

JOHAN ANUGERAH AMALAN 5S

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan.



Encik Amir Hussain Md Ishak menerima Anugerah Amalan 5S yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd. Azmi Mohd Lila, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

JOHAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN (Kategori Kumpulan dan Individu)

Anugerah ini disampaikan kepada Kumpulan KIK dan Individu yang telah berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan bagi perkhidmatan. PSAS telah menjadi juara bagi kedua-dua kategori Anugerah Inovasi ini.



Kumpulan Q-LIBRI memenangi hadiah inovasi bagi kategori kumpulan menerusi Projek GluMac: Gluing Machine.



Encik Mohammad Marwan Abdul Razak menerima hadiah inovasi bagi kategori individu menerusi Projek Portable Hot Stamping Platform.



Kumpulan Q-LIBRI dan SMART ACQLIB, PSAS.



Kumpulan Q-LIBRI PSAS menerima Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif bagi Projek GluMac.

JOHAN ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PENGURUSAN PENTADBIRAN

Anugerah ini dinilai berdasarkan tiga komponen teras prestasi sesebuah Pusat Tanggungjawab di UPM iaitu komponen pengurusan, komponen perkhidmatan teras dan komponen kepuasan pelanggan.



Encik Amir Hussain Md Ishak menerima Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.

ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Pengiktirafan dan penghargaan kepada kumpulan-kumpulan KIK yang berjaya menyiapkan projek-projek inovatif dan kreatif.



Kumpulan SMART ACQLIB PSAS menerima Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif bagi Projek Pemrosesan Buku Baharu melebihi tempoh 3 bulan yang ditetapkan.

SMART ACQLIB Memenangi Tempat Ketiga Kategori Pengurusan Di Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia 2014



Pulau Pinang, 25 Nov – Kumpulan KIK PSAS SMART ACQLIB sekali lagi menempa nama dengan memenangi tempat ketiga bagi kategori Pengurusan di Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia 2014 menerusi Projek "Pemrosesan Buku Baharu melebihi tempoh 3 bulan yang ditetapkan".

Konvensyen anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia ini telah berlangsung di Copthorne Hotel, Pulau Pinang dari 24 hingga 26 November 2014. Sebanyak 20 projek KIK telah dipertandingkan dalam konvensyen ini. Kumpulan KIK PSAS Q-LIBRI juga telah mempertandingkan projek "GluMac: Gluing Machine / Mesin gam yang mempercepatkan proses penjilidan bahan Perpustakaan".

Semoga PSAS akan terus berkreaitif untuk menghasilkan inovasi yang akan melonjakkan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.



PROJEK KREATIF DAN INOVASI



PORTABLE HOT STAMPING PLATFORM

Dihasilkan oleh : **Muhamad Marwan Abdul Razak**

Sinopsis Projek:
Portable Hot Stamping Platform merupakan platform yang direka untuk fleksibiliti dalam menentukan kedudukan bahan semasa proses mentinta. Penintaan bahan-bahan yang berkaitan (kulit buku dan bahan-bahan lain) yang menggunakan 'Portable Hot Stamping Platform' bersama 'hot stamping machine' telah menjadikan proses kerja mentinta lebih efisien.



GLUMAC: GLUING MACHINE / MESIN GAM YANG MEMPERCEPATKAN PROSES PENJILIDAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Dihasilkan oleh : **Q-Libri**

Sinopsis Projek:
"GluMac" singkatan daripada Gluing Machine. Mesin ini telah dibangunkan pada bulan Disember 2012 sehingga Mac 2013 dan telah melalui dua peringkat uji coba sebelum ia digunakan oleh staf di unit penjilidan. Hasilnya, terdapat penurunan sebanyak 80% jumlah masa memproses bahan dan penjimatan kepada UPM sebanyak RM61, 632.

PEMROSESAN BUKU BAHARU MELEBIHI TEMPOH 3 BULAN YANG DITETAPKAN

Dihasilkan oleh : **SMART ACQLIB**

Sinopsis Projek:
Projek yang dibangunkan bertujuan untuk mengatasi masalah yang dihadapi iaitu 'Pemprosesan buku baharu yang melebihi tempoh 3 bulan yang ditetapkan'. Projek bermula dari bulan Mac 2012 sehingga bulan Mac 2013 di mana 4 penyelesaian telah dikenalpasti iaitu:

- Menetapkan tempoh masa setiap proses kerja
- Mengurangkan langkah dalam proses kerja
- Mengasingkan Unit Perolehan & Pengkatalogan
- Membina Pangkalan Data ACQClicks

Hasilnya, peratusan pemprosesan buku baharu dalam tempoh 3 bulan yang ditetapkan telah melebihi 90% dengan penjimatan kepada UPM sebanyak RM32,596.50.

NO.	PEJABAT	UNIT	NO. SURAT PERINTIS	BAHAGI	ASA	AMAL	FAMILI	JADUAL	PERUMBAH	TEMPOH	NO. SURAT PERINTIS	JAM	HARGA
781	CRUC	21062014	1114028	Buku	6120	1	6120	ASPI	Identifikasi masalah ke atas	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
782	CRUC	21062014	1114029	Buku	7630	1	7630	ASPI	penyediaan maklumat	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
783	CRUC	21062014	1114030	Buku	4234	1	4234	ASPI	Memeriksa produk	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
784	CRUC	21062014	1114031	Buku	4030	1	4030	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
785	CRUC	21062014	1114032	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
786	CRUC	21062014	1114033	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
787	CRUC	21062014	1114034	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
788	CRUC	21062014	1114035	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
789	CRUC	21062014	1114036	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
790	CRUC	21062014	1114037	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
791	CRUC	21062014	1114038	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
792	CRUC	21062014	1114039	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
793	CRUC	21062014	1114040	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
794	CRUC	21062014	1114041	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
795	CRUC	21062014	1114042	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
796	CRUC	21062014	1114043	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
797	CRUC	21062014	1114044	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
798	CRUC	21062014	1114045	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
799	CRUC	21062014	1114046	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	
800	CRUC	21062014	1114047	Buku	4234	1	4234	ASPI	Maklumat mengenai kejuruteraan	ASPI	ENTREPRISE SON	03/01/2014	



Sesi Pengenalan Perpustakaan 2014

UPM, 8 Sept - Program Literasi Maklumat: Sesi Pengenalan Perpustakaan (SPP) untuk Pelajar Pra-siswazah Baharu sesi 2014/2015 telah berlangsung dengan jayanya dari 8 hingga 24 September 2014 di Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Seramai 2,391 orang pelajar telah menghadiri Sesi Pengenalan Perpustakaan, manakala

Kelas Katalog Perpustakaan (WEBOPAC) dihadiri oleh 2,388 orang pelajar. Pameran dan lawatan berpandu juga diadakan untuk membolehkan pelajar mengenali perpustakaan dengan lebih dekat lagi.

Program ini juga diadakan di semua perpustakaan cawangan iaitu Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan

Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan dan Seni Bina untuk pelajar di fakulti-fakulti tersebut. Seramai 689 orang pelajar menghadiri Sesi Pengenalan Perpustakaan dan 693 orang pelajar menghadiri Kelas Katalog Perpustakaan (WEBOPAC) di ketiga-tiga perpustakaan cawangan tersebut.

Oleh Azwana Abdul Rahman



Pelajar baharu sedang menghadiri Kelas Katalog Perpustakaan yang disampaikan oleh Pustakawan PSAS.



Sebahagian daripada pelajar sedang khusyuk membaca buku panduan perpustakaan di dalam kelas Sesi Pengenalan Perpustakaan



Latihan Industri & Lawatan

PatSnap® : Global Patent Search and Analysis Platform



Latihan Industri Julai – Disember 2014

UPM, 4 Ogos 2014 – Bagi tempoh setengah tahun kedua tahun ini, PSAS menyediakan tempat latihan kepada tiga orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA iaitu Encik Muhamad Syamil Hamidon, Cik Nadiana Adlia Rusli dan Cik Noor Syafiqah Mohd Hairi. Latihan ini bermula dari 4 Ogos hingga 31 Disember 2014.



Lawatan Delegasi dari UITM Melaka

UPM, 9 Jun 2014 – PSAS menerima lawatan sambil belajar dari pensyarah dan pelajar Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Melaka. Lawatan ini khusus bagi mendapatkan maklumat mengenai pembangunan Projek UPM Institutional Repository yang diuruskan oleh Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, PSAS.



Lawatan Delegasi dari Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Sentang, Temerloh

UPM, 25 Jun 2014 – PSAS menerima lawatan sambil belajar dari empat orang guru dan 40 orang pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Sentang, Temerloh, Pahang.



Latihan Sangkut dari Universiti Airlangga, Surabaya Indonesia

UPM, 21 Oktober 2014 – Tiga orang staf dari Perpustakaan Universiti Airlangga, Surabaya Indonesia iaitu Encik Prasetyo Adi, Puan Dewi Puspitasari dan Puan Nadia Tsaurina telah menghadiri latihan sangkut selama dua minggu di PSAS bagi mendapatkan pengalaman dalam menguruskan perkhidmatan, koleksi dan kemudahan perpustakaan di Universiti Penyelidikan.

The screenshot shows the PatSnap search interface. It includes a search bar at the top with a 'Search' button and links for 'Classification Search' and 'Advanced Search'. Below the search bar are tabs for 'Field Search', 'Command Search', 'Bulk Search', and 'Classification Search'. On the left, there is a list of databases with checkboxes, including 'All databases', 'United States Patent Application', 'United States Issued Patent', 'European Patent Application', 'European Issued Patent', 'WIPO Publication', 'China Patent Application', 'Chinese Invention Application', 'Chinese Issued Invention', 'Chinese Utility', 'Chinese Design Patent', 'Korea Invention Application', 'Japanese Invention Application', 'Taiwan patent Application', and 'Taiwan Invention Application'. On the right, there is a 'Preview Search Query' section with a 'Search' button and several input fields for search criteria: 'All', 'Title', 'Abstract', 'Description', 'Claims', 'Publication Number', 'Application Number', 'US Classification', and 'International Classification'. There is also an 'IPC Helper' button.

PatSnap® is a new online database subscribed by PSAS that helps researchers to be more competitive in research and development, commercializing technology, and increasing IP awareness. The PatSnap database provides coverage of over 90 countries worldwide, offering full text data from seven organisations such as the European Patent Office (EPO) and World Intellectual Property Organisation (WIPO). It also offers a comprehensive analysis platform, which allows users to track the development of their competitors, identify potential customers and gain insight into the global market.

In order to adapt to users working habits, PatSnap is flexible and easy to master, offering simultaneous patent search and analysis, as well as being able to export all kinds of data quickly and easily. The PatSnap patent search

and analysis platform provides:

- 1. Comprehensive IP information**
 - 90 million patents from more than 90 countries.
- 2. Graphical analysis tools**
 - interactive 3D landscape provides a stunning visual representation of the market, adding a new element to patent analysis.
 - Search the patent database with an image – relieving the burden of trying to painstakingly gather keywords and variations.
- 3. Affordable, low-cost search and analysis in one**

- 4. Convenient collaboration structure**
 - Patent searches and analyses can be saved and accessed from any device with an internet connection.
 - PatSnap integrates search and analysis, providing an overall solution to predict trends and make sure users do not miss out on any details.

Please visit www.lib.upm.edu.my for further details

by Akiza Roswati Abdullah



Lawatan Kerja Lembaga Penasihat dan Warga Kerja Perpustakaan Kuala Lumpur

UPM, 10 November 2014 – PSAS telah menerima satu lawatan kerja oleh ahli Lembaga Penasihat dan Warga Kerja Perpustakaan Kuala Lumpur. Lawatan ini bertujuan meninjau perkembangan terkini perkhidmatan dan fasiliti yang terdapat di PSAS.



Lawatan Kerja Institut Pertanian Bogor, Indonesia

UPM, 5 Disember 2014 – Seramai enam orang staf dari Dewan Guru Besar Institut Pertanian Bogor mengadakan lawatan ke PSAS.

Explore
 a world of opportunities and
 unlock your IP potential.

Perkhidmatan Penelitian Maklumat



Perkhidmatan Penelitian Maklumat merupakan perkhidmatan berbayar yang disediakan oleh Pustakawan Bahagian Rujukan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk membantu pelanggan perpustakaan mendapatkan maklumat bagi menjalankan projek penyelidikan, penulisan ilmiah, kertas kerja atau kerja kursus mereka. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua pelajar dan staf UPM, serta pengguna luar UPM yang terdiri daripada individu persendirian, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta.

Maklumat yang diperolehi adalah daripada pelbagai sumber maklumat

elektronik dan bercetak. Sumber maklumat elektronik utama yang digunakan adalah daripada pangkalan data langganan PSAS atas talian luar negara dan tempatan seperti Science Direct, Ebsco Host, ProQuest, Wiley Online, SpringerLink, MS Online dan lain-lain.

Hasil penelitian yang disediakan adalah sama ada dalam bentuk teks penuh atau senarai rekod bibliografi/abstrak bagi artikel jurnal/prosiding/bab dalam buku/surat khabar. Kadar bayaran baharu Perkhidmatan Penelitian Maklumat yang ditetapkan mulai 30 Mei 2014 adalah seperti berikut:

PENGGUNA BERDAFTAR UPM	PENGGUNA LUAR UPM (IPTS/SWASTA/ PERSENDIRIAN)
<p>Senarai rekod bibliografi / abstrak RM10.00 bagi setiap 1-20 rekod RM20.00 bagi 21-50 rekod maksima</p> <p>Teks Penuh RM30.00 bagi setiap 1-10 artikel RM50.00 bagi 11-30 artikel maksima</p> <p>Cetakan RM 0.10 bagi setiap muka surat</p>	<p>Senarai rekod bibliografi / abstrak RM30.00 bagi setiap 1-20 rekod RM50.00 bagi 21- 50 rekod maksima</p> <p>Teks Penuh RM90.00 bagi setiap 1-10 artikel RM200.00 bagi - 11-30 artikel maksima</p> <p>Cetakan RM 0.10 bagi setiap muka surat</p>
PENGGUNA LUAR UPM (IPTA/INSTITUSI KERAJAAN)	PENELITIAN MAKLUMAT - NSTP E-MEDIA (PENGGUNA UPM)
<p>Senarai rekod bibliografi / abstrak RM20.00 bagi setiap 1-20 rekod RM40.00 bagi 21- 50 rekod maksima</p> <p>Teks Penuh RM60.00 bagi setiap 1-10 artikel RM150.00 bagi 11-30 artikel maksima</p> <p>Cetakan RM 0.10 bagi setiap muka surat</p>	<p>Setiap rekod teks penuh (muat turun) RM 2.00 bagi setiap rekod</p> <p>Setiap senarai rujukan RM1.00 bagi setiap rekod</p> <p>Cetakan RM 0.10 bagi setiap muka surat</p>

Oleh Siti Razimah Mohd Noor

Untuk keterangan lanjut dan mendapatkan perkhidmatan ini, sila hubungi:

Pustakawan
Bahagian Rujukan Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor

Tel: +603-89468642
Faks: +603-89483745

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen membantu pengguna mendapatkan bahan yang tiada di dalam koleksi perpustakaan melalui kerjasama antara perpustakaan sama ada dari dalam mahupun luar negara. Permohonan hanya dibenarkan untuk tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan sahaja. Semua permohonan perlu mematuhi serta tertakluk kepada Akta Hak Cipta. Permohonan boleh dibuat sekiranya :-

1. Bahan tiada di dalam koleksi PSAS
2. Bahan PSAS yang telah dipinjam
3. Bahan hilang dari koleksi PSAS
4. Bahan rosak yang tidak dibenarkan untuk pinjaman

Berikut merupakan kadar bayaran bagi Perkhidmatan Pembekalan Dokumen:

SUMBER / SOURCE	SALINANFOTO / PHOTOCOPY	PINJAMAN BUKU / BOOK LOAN
Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (ahli PERPUN)	Percuma	Percuma
Institutions of Higher Learnings- Local (PERPUN members)	Free	Free
Institusi Tempatan Lain (Kecuali PERPUN)	RM0.30 /muka surat + RM2.00 /bayaran perkhidmatan bagi setiap artikel + kadar pos (jika ada)	Percuma
Institutions of Higher Learnings- Others (PERPUN non-members)	RM0.30 /page + RM2.00 /service charge per article + postage (if any)	Free
British Lending Library	RM80.00 / artikel RM80.00 / article	RM100.00 / buku RM100.00 / book
Proquest Digital Dissertations	RM255 / tesis (tidak berjilid) Rm255 / thesis (unbound)	-
Lain-lain Institusi	Mengikut kadar yang ditetapkan oleh institusi berkenaan	Mengikut kadar yang ditetapkan oleh institusi berkenaan
Other Institutions	Rate based on the amount charged by the supplying institutions	Rate based on the amount charged by the supplying institutions

Oleh Najwani Amir Sarifuddin


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :-

Pustakawan
Perkhidmatan Pembekalan Dokumen
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
43400 UPM Serdang
Selangor

Tel : 03-89468630
E-mel : najwani@upm.edu.my



Book Review




Food Allergy: Practical Diagnosis and Management
Editor : Scott H Sicherer
Year of Publication : 2014
Call Number : RC596 F686
Location : Main Library

Food allergy has increased over the past two decades, with a larger number of patients presenting a myriad of related symptoms and illnesses to physicians and allied health professional. Based on the Expert Panel Report from the National Institute of Allergy and Infectious Diseases, **Food Allergy: Practical Diagnosis and Management** brings to life the developed guidelines with chapters written by international leaders in food allergy clinical care, research and education, including most of the report's primary authors.



Groundwater and Ecosystems
Editor : Luis Ribeiro
Year of Publication : 2013
Call Number : QH 541.5 G882
Location : Main Library

This book is of interest to everybody dealing with groundwater and its relationship with ecosystems. It is of value for water and environmental authorities, water managers and students. The interdisciplinary approach of the presented contributions is the only way to achieve good groundwater, surface water and ecological status so as to control the impact of groundwater abstraction and other human activities.



Handbook of Research Methods and Applications in Urban Economies
Editor : Peter Karl Kresl and Jaime Sobrino
Year of Publication : 2013
Call Number : HT 321 H236
Location : Main Library

In this timely Handbook, seventeen renowned contributors from Asia, the Americas and Europe provide chapters that deal with some of the most intriguing and important aspects of research methodologies on cities and urban economies.



Birds and Climate Change: Impacts and Conservation Responses
Editor : James W Pearce-Higgins and Rhys Green
Year of Publication : 2014
Call Number : QL 698.95 P359
Location : Main Library

The authors are two world-leaders on the impacts of climate-change on birds. The text summarises the effects of climate change that have already happened, seeks to predict what we can expect in the future, and considers what conservation biologists can do to mitigate its effects. The coverage is comprehensive, and skilfully distills a large and complicated literature into a compelling narrative. This book synthesises the state of knowledge on these issues for birds: the best-known wildlife group, and one that can provide insights and solutions for biodiversity more generally. The chapters go beyond the well-documented effects of climate change on phenology to consider the impacts on demography and distributions, and the knock-on effects for ecological communities.



Penaung
Amir Hussain Md. Ishak

Penasihat
Rosmala Abdul Rahim

Ketua Editor
Hawa Abdul Majid

Editor
Mohd Dasuki Sahak

Penulis
Staf PSAS

Jurufoto
Muhammad Marwan Abdul Razak

Pereka Grafik
Suzaini Mohamad Kasim

Pengedaran
Norita Idris
Norlela MohdYusof

Sidang Pengarang

ISSN 1675-4808

